

10/03/2001

Osu mungkin kekal sebagai Ketua Menteri

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan Datuk Osu Sukam dibenarkan untuk terus menyandang jawatan Ketua Menteri Sabah selepas tempohnya berakhir 18 Mac ini sehingga keputusan mengenai sistem penggiliran jawatan itu dibuat.

"Dia angkat sumpah (jawatan Ketua Menteri) bukan dihadkan kepada dua tahun. Kalau lebih sikitpun tak ada masalah," katanya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) tidak memberi kepastian sama ada keputusan berhubung perkara itu akan dibuat sebelum berakhirnya tempoh jawatan Osu sebagai Ketua Menteri Sabah sekarang.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, beliau akan membuat keputusan mengenai sama ada sistem penggiliran Ketua Menteri itu dimansuh atau diganti dengan formula baru, secepat mungkin.

Ditanya apakah bentuk formula baru itu nanti, beliau berkata: "Itu tak bolehlah nak bagi tahu anda (wartawan)...bila buat keputusan, saya bagi tahu."

Mengenai kriteria digunakan dalam pertimbangan untuk membuat keputusan sama ada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu akan diteruskan atau sebaliknya, beliau berkata ia hendaklah berasaskan kepada kepentingan rakyat Sabah dan pembangunan negeri itu.

Selain itu, katanya, kepentingan BN dan parti-parti komponen BN lain akan turut diambil kira.

Bagaimanapun, katanya, beliau masih menunggu laporan bertulis sepenuhnya daripada ketua-ketua parti komponen BN di Sabah mengenai perkara itu.

Sebelum ini, Dr Mahathir mengadakan pertemuan secara berasingan dengan semua ketua parti komponen BN dari Sabah di pejabatnya di Putrajaya dan kemudian meminta mereka menyediakan laporan bertulis mengenai pandangan mereka berhubung sistem penggiliran ketua menteri itu.

Kesemua mereka menyerahkan mandat kepada beliau untuk memutuskan mengenai sistem penggiliran itu.

Parti komponen BN di Sabah ialah Umno, Parti Maju Sabah (SAPP), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Angkatan Keadilan Rakyat Sabah (Akar) dan Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP).

Pada pertengahan bulan lalu, Dr Mahathir ketika diminta memberi pandangan mengenai sistem penggiliran itu berkata, satu daripada kelemahan sistem berkenaan ialah ia cenderung menimbulkan ketua-ketua menteri yang tidak berkesan iaitu seperti 'itik tempang'.

Katanya, menukar ketua menteri setiap dua tahun, sebagaimana yang diamalkan sekarang, boleh menimbulkan kerajaan negeri yang tidak berkesan.

(END)